

TARIKH	30 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	20	RUANGAN	setempat .

## Jemaah haji elak belanja ikut nafsu

**K**UALA LUMPUR: Jemaah haji dinasihatkan supaya bijak menguruskan perbelanjaan apabila berada di Tanah Suci kerana amalan itu akan membantu mengelak pembaziran.

Pengarah Operasi Haji Tanah Air Stesen Kelana Jaya, Mohd Rafidi Ibrahim berkata, jemaah tidak perlu berbelanja lebih kerana kelengkapan seperti makanan, minuman serta penginapan disediakan mereka.

"Makanan dan minuman disediakan dua kali sehari dan kos penginapan juga dikenakan dalam jumlah keseluruhan bayaran menunaikan haji yang dibayar semua jemaah.

"Sehari, jemaah hanya perlu wang 30 hingga 40 riyal (RM24.50 - RM32.70) bagi memenuhi perbelanjaan pengangkutan dan perbelanjaan lain di kawasan sekitar

serta bagi mereka yang mahu menunaikan umrah pada kali kedua dan seterusnya," katanya.

Beliau berkata, bagi mengerjakan umrah kali pertama, jemaah dibawa menggunakan pengangkutan disediakan Tabung Haji kerana dalam perjalanan dari Madinah ke Makkah, mereka dibawa melalui Bir Ali untuk menunaikan ibadat terbabit.

Katanya, tiada alasan bagi mereka untuk mengeluarkan terlalu banyak wang sehingga menyebabkan perbelanjaan yang tidak terurus dan berlebihan serta mengikut nafsu.

Beliau juga menasihatkan jemaah hanya membeli barangan yang wajar seperti buah kurma, air zam-zam, daging unta dan serta barangan ibadat berpatutan kerana yang penting ialah peluang mengerjakan haji digunakan sebaik-baiknya.